

# **APLIKASI MUDAH ALIH IHI2GO**

## **Dasar Privasi Aplikasi**

### **PRIVASI**

Aplikasi Mudah Alih IHI2GO adalah aplikasi yang dibangunkan untuk Pengguna iaitu majikan dan pekerja bagi memudahkan capaian menjawab survei IHI SA secara perkhidmatan atas talian yang ditawarkan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) kepada pengguna dengan menggunakan telefon pintar. Aplikasi ini boleh dimuat turun di Google Play Store dan Apple App Store. Jabatan memastikan bahawa maklumat peribadi yang dikumpulkan adalah selari dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

### **MAKLUMAT PERIBADI**

Aplikasi ini tidak akan merekodkan data peribadi pengguna kecuali dengan kebenaran dan diberikan secara sukarela oleh pengguna. Maklumat ini tidak dikongsi dengan organisasi lain bagi tujuan lain kecuali dinyatakan secara khusus.

### **MAKLUMAT YANG DIKUMPUL**

1. Aplikasi ini mengumpulkan data yang dikemukakan atas persetujuan pengguna dan dilakukan secara sukarela melalui proses pendaftaran aplikasi untuk capaian ke sistem aplikasi.
2. Data peribadi yang dikumpul adalah seperti jantina, emel dan lokasi pekerjaan.
3. Data peribadi yang dikumpul tidak akan digunakan untuk apa-apa tujuan selain daripada yang disebutkan di atas.
4. Data peribadi yang dikumpulkan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga atau dipindahkan ke tempat di luar Malaysia untuk tujuan komersil.

## **KESAN JIKA DATA PERIBADI TIDAK DIBENARKAN**

Sekiranya data peribadi yang dibekalkan tidak mencukupi ataupun tidak memuaskan, maka permohonan atau permintaan pengguna untuk sebarang tujuan di atas tidak diterima atau diambil tindakan atau penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Aplikasi mungkin ditolak atau terjejas.

## **KERAHSIAAN**

Data peribadi yang dikumpul oleh Aplikasi akan disimpan dengan selamat menurut Dasar Privasi ini selaras dengan sebarang undang-undang yang berkenaan yang mungkin berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

## **KESELAMATAN DATA**

Aplikasi ini menerapkan ciri keselamatan yang mematuhi piawaian global untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan maklumat pengguna.

## **PERUBAHAN KEPADA DASAR PRIVASI**

Sekiranya dasar privasi ini dipinda, pindaan tersebut akan dikemas kini di halaman ini. Untuk pertanyaan lain, sila e-mel kepada [jppm@mohr.gov.my](mailto:jppm@mohr.gov.my)